

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (42)
Tarikh: 26 Mac 2021

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2021
PEMBERIAN SAGU HATI KEPADA AHLI JAWATAN KUASA PROGRAM
ANJURAN PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 Pemberian Sagu Hati Kepada Ahli Jawatankuasa Program Anjuran Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

ZO/sak/Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2021

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2021

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YBhg. Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMBERIAN SAGU HATI KEPADA AHLI JAWATAN KUASA PROGRAM ANJURAN PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan tentang insentif pemberian sagu hati kepada Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Program anjuran Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kelestarian Kewangan merujuk kepada keadaan kewangan UMP yang mampu berdikari daripada geran operasi kerajaan Malaysia. Untuk jangka masa yang panjang, rizab UMP seharusnya mampu membiayai keseluruhan operasi UMP tanpa memerlukan suntikan kewangan daripada kerajaan. Ini membolehkan UMP bergerak secara autonomi dan mencapai salah satu keperluan sebuah universiti teknologi terunggul. UMP25 menggariskan dua strategi teras, iaitu pengukuhan sumber kewangan dan

kecekapan operasi yang munasabah untuk mencapai kecekapan dan kelestarian kewangan;

- 2.2 Dalam usaha UMP untuk mencapai kedudukan kewangan yang sendiri dan lestari melalui pengukuhan rizab dan budaya keusahawanan sosial, PTJ digalakkan melaksanakan pelbagai aktiviti penjana pendapatan contohnya penganjuran program berbentuk kursus, seminar, bengkel, persidangan atau seumpamanya;
- 2.3 Selaras dengan usaha tersebut, Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2021 meluluskan pemberian insentif galakan melalui pemberian sugu hati kepada AJK Program anjuran PTJ tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.

3.0 PEMBERIAN SAGU HATI KEPADA AJK PROGRAM

Peraturan dan syarat-syarat pemberian sugu hati kepada AJK Program adalah seperti berikut:

- 3.1 Kadar maksimum sugu hati adalah terhad kepada 10 peratus daripada jumlah keuntungan bersih program;
- 3.2 Syarat-syarat pemberian sugu hati berikut:
 - (a) Pemberian sugu hati ini hanya melibatkan program-program berbentuk seminar, bengkel, persidangan atau seumpamanya yang menjana pendapatan melalui akaun amanah PTJ dan tidak termasuk program atau aktiviti berkaitan pesisir, perundingan, pengkomersilan atau seumpamanya;
 - (b) Program atau aktiviti yang mana sumber dana utamanya yang diperoleh daripada peruntukan Kementerian atau UMP adalah tidak layak bagi pemberian sugu hati ini;

- (c) Hanya AJK program yang dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor atau Ketua PTJ yang layak menerima bayaran sugu hati. AJK dari PTJ lain juga layak menerima bayaran sugu hati ini dengan syarat AJK adalah di kalangan warga UMP sahaja;
- (d) Sumber dana program bukan diterima daripada pihak yang mempunyai kepentingan dengan UMP contohnya daripada syarikat yang berjaya dalam projek-projek perolehan;
- (e) Bayaran komisen tidak dibenarkan kepada warga UMP yang berjaya mendapatkan dana;
- (f) Pembayaran sugu hati hanya boleh dibuat setelah jumlah sebenar keuntungan bersih bagi sesuatu program disahkan oleh Jabatan Bendahari setelah mengambil kira semua sumber dana dan kos perbelanjaan program yang terlibat sebelum agihan keuntungan;
- (g) AJK program yang memilih untuk dibayar elaun kerja lebih masa (*overtime*) atau apa-apa bayaran khusus melibatkan kerja perundingan (jika ada) termasuk bayaran penyediaan modul, bayaran penceramah atau fasilitator adalah tidak layak untuk pemberian sugu hati ini;
- (h) Kadar sugu hati yang disyorkan bagi setiap AJK program adalah sebagai panduan, namun jumlah sebenar bayaran tertakluk pada kelulusan Ketua PTJ dan Jawatankuasa Pemegang Amanah serta hendaklah terhad kepada kadar maksimum sugu hati;
- (i) Pembayaran yang melebihi kadar maksimum sugu hati hendaklah diluluskan oleh Naib Canselor dan AJK Program perlu mengemukakan justifikasi cadangan bayaran; dan
- (j) Semua bayaran pemberian sugu hati hendaklah menggunakan peruntukan akaun amanah.


4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuatkuasa pada 26 Mac 2021.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 26 Mac 2021.

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Pegawai Undang-Undang